

Mutu pendidikan tinggi Malaysia

B.H M/S 10 14.5.07

Oleh Mohamad Muda yang mengikuti lawatan kerja Menteri Pengajian Tinggi ke Arab Saudi dan Mesir, baru-baru ini

JIKA begini cara menterinya, saya akan hantar anak belajar di Malaysia, kata seorang bapa memberi reaksi spontan sebaik saja pertanyaannya mengenai pendidikan tinggi negara dijawab panjang lebar oleh Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed.

Bapa itu membuat kenyataan demikian bukan saja tertarik dengan peluang pendidikan tinggi Malaysia yang dijelaskan, malah sikap menteri terbabit yang melayan semua pertanyaan dengan mesra, selain turut berkenalan dengan hadirin dari meja ke meja pada majlis ramah mesra alumni pelajar Arab Saudi yang pernah belajar di Malaysia di Jeddah, baru-baru ini.

Keyakinan kira-kira 300 hadirin di kalangan alumni, pelajar Arab Saudi sedang menuntut di Malaysia dan ibu bapa mereka pada majlis itu bertambah apabila beberapa bekas pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) secara sukarela tampil berkongsi pengalaman.

Seorang dikenali Sulaiman bukan saja berterima kasih kerana mendapat pendidikan tinggi di Malaysia, malah menggalakkan pelajar dan ibu bapa pada majlis itu menjejaki langkahnya kerana sistem pengajian negara disifatkan bermutu dan paling menarik, diiktiraf majikan.

Beliau yang kini memegang jawatan tinggi di sebuah syarikat antarabangsa di Jeddah berkata, selepas tamat pengajian dan dua tahun menimba pengalaman bekerja di Malaysia, beliau menerima banyak tawaran bekerja sekembalinya di Arab Saudi.

Reaksi itu gambaran awal sektor pendidikan tinggi negara mampu 'dijual' ke luar negara dan dapat menarik perhatian ramai pelajar asing jika usaha mempromosikannya dilaksanakan dengan lebih berkesan dan meluas.

Contohnya, pameran pendidikan tinggi

Malaysia pada Simposium dan Pameran Latihan dan Pendidikan Asia Barat di Jeddah selama tiga hari mulai 1 Mei lalu, disertai 17 institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta negara, mendapat sambutan menggalakkan.

Menyedari hakikat itu, Mustapa pada sidang akhbar simposium dan pameran itu berkata, Kementerian Pengajian Tinggi menggandakan usaha promosi dalam usaha mencapai matlamat 100,000 pelajar asing mengikuti pengajian tinggi di Malaysia, menjelang 2010.

Berikutan itu, katanya, promosi pendidikan tinggi seumpamanya yang juga terbesar setakat ini akan diadakan di beberapa negara lain tidak lama lagi.

Walaupun hanya tiga tahun lagi, matlamat ditetapkan tidak mustahil dicapai, setidak-tidaknya menyaksikan peningkatan jumlah pelajar asing belajar di Malaysia sebagai hab pendidikan serantau membebangsangkan berbanding sekarang 50,000 dengan 7,000 dari tanah Arab termasuk 685 pelajar Arab Saudi.

Lawatan kerja Mustapa bersama rombongan pegawai kanan kementeriannya dan beberapa universiti awam itu tidak dilihat hanya berhasil berdasarkan maklum balas spontan bersifat subjektif itu.

Lebih bermakna lawatan kerja seminggu, mulai 30 April itu bukan saja mendedahkan potensi pendidikan tinggi kepada masyarakat dan pelajar negara terbabit, malah merapatkan lagi hubungan selain mencapai beberapa persetujuan bersama antara Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Arab Saudi serta Mesir.

Ketika kunjungan hormat ke atas Gabenor Riyadh, Putera Salman Abdul Aziz dan Menteri Pengajian Tinggi Arab Saudi, Dr Khaled Mohammed Al-Anqari, Mustapa berkata, Kerajaan Arab Saudi memandang tinggi terhadap hubungan dalam pelbagai bidang dengan Malaysia, khususnya pengajian tinggi.

Malah, katanya, hubungan kedua-dua negara semakin melebar, bukan saja dalam

pendidikan, malah pelbagai sektor lain seperti pelancongan dan perniagaan.

"Hubungan ini juga secara tidak langsung memberi peluang rakyat Malaysia menyertai sektor pekerjaan di Arab Saudi. Contohnya kini sekitar 1,000 jururawat rakyat kita berkerja di negara ini," katanya.

Berdasarkan kepercayaan dan pandangan tinggi terhadap mutu pendidikan negara, terutama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), Universiti Terbuka Malaysia (OUM) diberi mandat membangunkan e-Learning berasaskan konsep pembelajaran jarak jauh dengan peruntukan RM47 juta di Arab Saudi.

Sementara itu, Dekan Fakulti ICT UIAM, Prof Madya Dr Mohd Adam Suhaimi, pula diterima sebagai pensyarah pelawat selama setahun bagi mengajar dan menjalani praktikal di sebuah universiti terkenal di Madinah, Universiti Taibah.

Hasil kunjungan Mustapa ke Fakulti Perubatan beberapa universiti terkenal sama ada di Arab Saudi mahupun Mesir juga mendapat kepercayaan dan pengiktirafan terhadap kemampuan pelajar Malaysia dan mutu pendidikan negara.

Oleh itu, tidak hairanlah jika pengerusan tertinggi Universiti Raja Saud, institusi pengajian tinggi tertua dan terbesar di Arab Saudi, dengan segera meluluskan penganugerahan 22 biasiswa untuk pelajar Malaysia melanjutkan pengajian pasca ijazah di universiti berkenaan, berkuat kuasa serta-merta.

Ketika melawat universiti itu, Mustapa dimaklumkan daripada jumlah biasiswa terbabit, masing-masing enam untuk program peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD), manakala 10 lagi pengajian pakar bagi lepasan PhD.

"Penganugerahan biasiswa ini membuktikan keyakinan pihak berkenaan terhadap kemampuan kita, terutama dari segi pencapaian dan mutu pendidikan. Ia juga lambang kesungguhan kerjasama pendidikan antara kedua-dua negara," kata Mustapa.

diiktiraf

Selain itu, Kerajaan Arab Saudi menunjukkan minat mendalam menghantar lebih ramai pelajarnya ke Malaysia selepas penghantaran kumpulan pertama 172 penuntutnya dua minggu lalu, iaitu sebahagian daripada 500 penerima Biasiswa Raja Abdullah dijadualkan ke Malaysia tahun ini, diikuti 1,000 tahun berikutnya.

Kesempatan melawat dua negara yang menjadi tumpuan pelajar Malaysia melanjutkan pengajian dalam pelbagai bidang pengajian agama dan perubatan, kebajikan pelajar negara yang sebahagiannya melanjutkan pelajaran dengan pembiayaan sendiri tidak dilupakan.

Beberapa pertemuan diadakan bagi mendapat maklum balas, menyelesaikan masalah dan hal berkaitan kebajikan pelajar, yang rata-rata melahirkan rasa bangga kerana nasib mereka di perantauan mendapat perhatian pemimpin negara.

Selain mengajak rakan seperjuangan memupuk perpaduan dan berusaha mencapai kecemerlangan, kumpulan pelajar Malaysia yang ditemui antaranya di Madinah, Kaherah dan Tanta turut mendapat pelbagai manfaat.

Antaranya Mustapa meminta pihak terbabit mewujudkan kelas khas pembelajaran bahasa Inggeris untuk 88 pelajar Malaysia yang mengikuti pengajian di Universiti Islam Madinah dengan Mohd Adam sebagai pengajarnya.

Kelas itu bukan saja sebagai nilai tambah, malah antara lain bertujuan melahirkan graduan yang tidak hanya menguasai pendidikan agama, malah mahir bahasa Arab dan Inggeris.

Berdasarkan dialog bersama pelajar, beberapa cadangan turut diambil dalam usaha melahirkan graduan universiti dua negara Arab itu yang berkualiti dan bertaraf dunia, bukan saja menguasai bidang pengajian masing-masing malah pengetahuan bahasa dan agama.

Berikutan tiada keselarasan penghantaran dan penempatan pelajar Malaysia mengikuti pengajian perubatan di universiti Mesir juga, Mustapa menjelaskan ia akan diselaraskan bagi memastikan mereka benar-benar layak terutama dari segi syarat kemasukan mendapat peluang itu, mulai tahun ini.

Selain memastikan graduan berkualiti dan menguasai pelbagai aspek ilmu, beliau berkata, langkah itu perlu dilakukan kerana kemasukan pelajar Malaysia ke tujuh universiti Mesir selama ini tidak selaras terutama dari segi kelayakan minimum.

"Mengenai pemilihan universiti, agensi penaja digalakkan menghantar pelajar ke Universiti Al-Azhar kerana selain pengkhususan perubatan berkualiti, penuntut diwajibkan menghafal 20 juz al-Quran.

"Peluang ini baik kerana doktor yang dikeluarkan nanti bukan saja mahir dalam profesion mereka, malah turut menguasai bahasa Inggeris dan Arab sertai ilmu al-Quran," katanya sambil menjelaskan 499 pelajar dihantar, mengikuti pengajian perubatan ke Mesir tahun lalu.

Di Kaherah, Mustapa turut mengadakan perbincangan mengenai pendidikan tinggi Malaysia-Mesir, termasuk pertukaran pelajar dan penyelidikan dengan Menteri Pengajian Tingginya, Dr Amr Ezzat Salma.